

Ahli Rada dicekup ketagih ganja

Horion Metro

12/11/2009

**FAKTA**  
Rumah  
sewa  
tempat  
lepas gian

# Pagar hisap dadah

>>Oleh Iskandar Shah  
Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Harapkan pagar, pagar makan padi. Itulah perumpamaan tepat bagi seorang lelaki yang juga ahli Rakan Anti Dadah (Rada) selepas dicekup Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam satu serbuan di sebuah flet di Sri Petaling di sini, baru-baru ini.

Difahamkan, lelaki berusia lingkungan 20-an itu sepatutnya diamanahkan menjadi 'mata' dan 'telinga' kepada AADK untuk memantau serta menyalurkan maklumat berhubung aktiviti penyalahgunaan atau pengedaran dadah di kawasan sekitar.

Kepercayaan yang diberi kurang setahun itu bagaima-

**Lelaki berkenaan pada awalnya enggan mengaku menagih dadah kerana malu dengan penghuni flet yang menganggapnya berkelakuan baik.**

namun disalahgunakan lelaki berkenaan kerana turut menjadi penagih dadah dengan dipercayai menjadikan rumah sewanya sebagai lokasi melepasi gian.

Hasil maklumat awam dan risikan AADK, mereka menyerbu rumah lelaki terbabit pada malam 5 November lalu.

Serbuan dibuat kira-kira jam 10.30 malam itu disertai sepasukan empat pegawai serta anggota AADK Brickfields termasuk beberapa ahli Rukun Tetangga (RT).

Sumber AADK berkata, ketika serbuan, lelaki berkenaan pada awalnya enggan mengaku menagih dadah kerana malu dengan penghuni flet yang menganggapnya berkelakuan baik.

"Namun, selepas hampir dua jam disoal siasat, lelaki itu akhirnya mengaku menagih dan bersetuju memberi kerjasama penuh kepada AADK.

"Hasil ujian air kencing mendapati lelaki yang be-

kerja swasta itu positif ganja dan dia dibawa ke ibu pejabat AADK Brickfields di Jalan Bangsar untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurut sumber itu, lelaki itu bagaimanapun dibebaskan dan diarah melaporkan diri pada hari berikutnya serta dikenakan tindakan mengikut Seksyen 8 (3) (b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 iaitu menjalani pengawasan secara sukarela.

"Dalam tempoh pengawasan selama dua tahun, lelaki itu diminta melaporkan diri sebulan sekali antaranya menjalani ujian air kencing dan sesi kaunseling.

"Bagaimanapun, AADK tetap menggantung keahliannya dalam Rada yang dianggap tidak sepatutnya berlaku dan dicontohi orang lain," katanya.

Menurutnya, AADK akan menjalankan operasi berterusan bagi memastikan kegiatan seumpama itu dibanteras sepenuhnya.

"Orang ramai yang mempunyai pertanyaan dan aduan berhubung aktiviti penagihan dan pengedaran dadah boleh menghubungi Bilik Gerakan AADK Brickfields di 03-22834490 atau berhubung terus ke AADK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di 03-20262743," katanya.